



Kata Berimbuhan

Graviti di Bumi

Murid-murid sedang **mempelajari** topik graviti. Cikgu Shanti **memberikan penjelasan** tentang topik tersebut.

Menurut Cikgu Shanti, graviti ialah daya yang **menarik** objek ke arah pusat bumi. Daya **tarikan** graviti bumi **menyebabkan** setiap objek **berada** pada **kedudukannya**. Oleh sebab itu, objek tidak akan terapung-apung di udara.

Cikgu Shanti **memainkan** klip video **menerusi** tablet pintarnya. Tablet itu **diletakkan** pada **telapak** tangannya.

Stesen Angkasa Lepas



Bumi



"Sila **lihat** laman sesawang ini. Kamu akan dapat memahami kepentingan graviti kepada kita," kata Cikgu Shanti.

Klip video dalam laman sesawang itu memaparkan kehidupan **di** stesen angkasa lepas. Angkasawan di stesen itu **tidak** kerana tiada graviti. Video itu jelas **perbandingan** antara kehidupan di stesen angkasa lepas dengan di bumi.

Bumi mempunyai graviti. **Graviti** akan menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Manusia dan haiwan dapat **berada** di atas permukaan bumi dan tidak **terapung**. Daun-daun akan gugur lalu **jatuh** di atas tanah. Dengan adanya graviti, manusia dapat menjalani **kehidupan** di bumi dengan mudahnya.

Nota Guru
5.2.1(i)(ii)(iii)(iv)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan.
 - Minta murid melengkapkan perenggan dengan menggunakan kata berimbuhan.
- KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan Strategi PdP: KP – Konstruktivisme
EMK: Bahasa

